

09/01/2001

Keadilan tolak pertemuan perpaduan Melayu

PETALING JAYA, Isnin - Parti Keadilan Nasional (Keadilan) menolak pelawaan Umno supaya diadakan perbincangan mengenai perpaduan orang Melayu membabitkan Umno, Pas dan Keadilan.

Keputusan itu dibuat oleh Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) yang bermesyuarat hampir lima jam di ibu pejabatnya di sini petang ini.

Timbalan Presiden Keadilan, Dr Chandra Muzaffar, ketika dihubungi sejurus selepas mesyuarat itu berkata, parti itu menolak pelawaan Umno kerana berpendapat perbincangan berkenaan tidak perlu.

Katanya, apa yang berlaku ialah 'anjakan paradigma sokongan' orang Melayu daripada Umno kepada parti pembangkang.

"Sebagai parti berbilang kaum, Keadilan berpendapat adalah lebih baik isu lebih besar iaitu berkaitan kepentingan nasional, dibincangkan," katanya tetapi enggan mengulas perkara lain yang turut dibincangkan pada mesyuarat itu.

Ditanya mengenai penerimaan Pas terhadap pelawaan Umno itu, Dr Chandra berkata, ia adalah isu lain.

Beliau juga enggan mengulas sama ada Keadilan akan mempengaruhi Pas untuk mengubah keputusannya dalam mesyuarat antara pemimpin pakatan pembangkang malam ini.

Sabtu lalu, mesyuarat pemimpin tertinggi Pas memutuskan untuk menerima pelawaan Umno itu tetapi mahu supaya ia menjurus kepada kepentingan nasional, bukan untuk satu kaum saja.

Pas mencadangkan supaya perbincangan itu diadakan di Parlimen berdasarkan format delegasi supaya lebih banyak pandangan dan cadangan dapat didengar.

Umno sebelum ini mencadangkan pertemuan hati ke hati antara Presidennya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor; dan Presiden Keadilan, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail bagi membincangkan perpaduan orang Melayu.

(END)